



## UJIAN SARINGAN DAN TEMU DUGA TERBUKA

Kami adalah tunggak kejayaan ekonomi ummah dan pengurusan haji terbilang. Seiring dengan visi dan misi **TH**, pelawaan dibuka kepada Calon Luar (Warganegara Malaysia beragama Islam) untuk mengisi jawatan seperti berikut :-

|  |
|--|
| <b>PENGAWAL KESELAMATAN/POLIS BANTUAN (SPP1)</b><br><i>Jabatan Pengurusan Hartanah &amp; Pentadbiran</i> |
|--|

### 1. TANGGUNGJAWAB

- 1.1. Menjaga keselamatan bangunan, hartabenda, wang tunai dan kumpulan **TH** serta anggotanya.
- 1.2. Membantu Bahagian Pengurusan Hartanah dalam menyelenggarakan bangunan-bangunan **TH** dari aspek perkhidmatan teknikal.
- 1.3. Memberi khidmat sokongan dan bantuan kepada **TH** supaya ia dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada pendeposit dan pelanggan-pelanggannya.

### 2. SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

Syarat-syarat dan kelayakan minima adalah seperti berikut:-

- 2.1. Mempunyai syarat-syarat ukuran badan dan pancaindera seperti berikut:-
  - 2.1.1. Tinggi sekurang-kurangnya 1.63m bagi lelaki dan 1.57m bagi wanita tanpa bersepatu;
  - 2.1.2. Berat badan sekurang-kurangnya 50kg bagi lelaki dan 48kg bagi wanita (BMI normal antara 19 hingga 24);
  - 2.1.3. Mempunyai ukuran lilitan dada yang biasa sekurang-kurangnya 81sm, semasa menarik nafas 86sm (lelaki sahaja);
  - 2.1.4. Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan

ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata

- 2.1.5 Pengecaman warna dan tidak cacat pendengaran serta sihat tubuh badan;
- 2.2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 2.1 hendaklah lulus Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia ( SPM ) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

### 3. UJIAN SARINGAN DAN TEMU DUGA

- 3.1. **Calon - Calon** yang berminat boleh datang sendiri ke :-  
TaHa D' Kelana,  
(Kompleks *TH* Kelana Jaya),  
Jalan SS 6/1, Kelana Jaya,  
**47301 PETALING JAYA, SELANGOR.**
- 3.2. Pada **29 dan 30 Julai 2010 (Khamis dan Jumaat)** dari jam **8.00 pagi hingga 5.00 petang** dengan membawa maklumat-maklumat seperti berikut :-
- Dua keping gambar terkini berukuran pasport;
  - Kad Pengenalan dan salinan fotostat;
  - Sijil Beranak dan salinan fotostat;
  - Sijil SPM, Sijil Berhenti Sekolah dan yang berkaitan berserta dengan salinan fotostat;
  - Pakaian kemeja berlengan panjang dan seluar 'slack';
  - Pakaian sukan
    - Lelaki (T-shirt & seluar pendek)
    - Wanita (T-shirt berlengan pendek & seluar sukan panjang)
  - Alatan tulis.
- 3.3. **Hanya calon yang lulus ujian saringan kecergasan fizikal sahaja akan dipanggil ke sesi temu duga.**

Jika calon-calon tidak dihubungi dalam tempoh **tiga (3) bulan** dari tarikh temu duga maka permohonan mereka dianggap tidak berjaya.

**TARIKH TEMU DUGA : 29 DAN 30 JULAI 2010**